

## SURAT BERITA – TERBITAN 03

FEBRUARI 2021

Dalam terbitan pertama tahun 2021 ini, pasukan ROSA ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru! Tahun Baru Cina bakal tiba tidak lama lagi. Kami berharap anda dan insan tersayang kekal selamat dan akan menikmati musim perayaan ini bersama-sama. Kali ini, kami akan membentangkan perkembangan terkini aktiviti yang telah dirancang oleh ROSA di samping dapatan utama yang telah dikongsi dalam siri Ringkasan Penyelidikan Disember lalu.

### Perkembangan Terkini dan Notis

Pada tahun ini, ada beberapa aktiviti yang anda boleh nantikan. Pada masa yang sama, panel dan wadah tinjauan kita akan mempunyai perubahan menarik yang baharu juga.

#### Muka-muka Baharu Panel

- Singapore Life Panel® akan berkembang dan mengambil kumpulan responden yang lebih muda berumur 50 hingga 55 tahun selewat-lewatnya pada bulan Julai 2021. Maklumat daripada kumpulan umur ini akan membolehkan para penyelidik membuat perbandingan antara kumpulan prapersaraan dengan kohort yang lebih tua, memperoleh wawasan tambahan dalam kesejahteraan dan kesediaan mereka ke arah persaraan. Perbezaan ini amat penting untuk dinilai kerana perkembangan ekonomi dan kemajuan teknologi di Singapura telah menandakan bahawa semua kohort sedang berdepan dengan cabaran dan peluang yang berlainan.

ahli SLP kami yang dikasihi. Maklumat lanjut tentang sesi ini akan dikongsi pada bulan-bulan akan datang, tetapi bagi mereka yang bermingat untuk hadir, anda boleh menyatakan minat anda dengan menghubungi kami di [rosa@smu.edu.sg](mailto:rosa@smu.edu.sg).



*Penolong Pengurus ROSA, Qingqing (kiri) bersama ibunya*

#### Peralihan ke wadah tinjauan baharu

- Sepanjang beberapa tahun ini, kami telah menerima maklum balas daripada responden tentang beberapa aspek wadah tinjauan yang tidak mesra untuk digunakan. Kami juga ingin menambah lebih fungsi supaya tinjauan kami lebih interaktif dan menarik untuk responden kami. Dengan itu, pasukan ROSA telah mereka bentuk semula wadah tinjauan untuk memasukkan cadangan-cadangan ini, dan kami dengan suka cita juga ingin memberitahu bahawa wadah tinjauan yang baharu akan siap pada April 2021. Bagi memastikan peralihan yang lancar, ID log masuk anda kekal sama. Kami akan menyediakan panduan mudah untuk mengakses wadah baharu itu dalam surat undangan kami pada bulan April, jadi nantikan kedatangannya!


#### Sesi pertemuan dengan ahli SLP

- Pasukan ROSA berhasrat untuk mengaturkan sesi pertemuan dengan ahli-ahli SLP pada pertengahan tahun pertama sebagai penghargaan kepada sumbangan anda dan meninjau idea serta pandangan tentang topik penuaan. Penyelidik dan kakitangan ROSA akan berada dalam sesi ini untuk berinteraksi dengan ahli-

Kami juga ingin menggunakan peluang ini untuk memperkenalkan seorang lagi ahli pasukan kami yang akan mengendalikan sesi pertemuan tersebut. Semasa beliau masih belajar di universiti, Cik Lu Qingqing ialah suara yang biasa kita dengar kerana dia adalah yang membantu ahli-ahli SLP melalui telefon untuk melengkapkan tinjauan bulanan. Minat Qingqing pada isu penuaan terbit sejak itu dan beliau bekerja sebagai Pembantu Penyelidik di Pusat Penyelidikan bagi Ekonomi

Penuaan [Centre for Research on the Economics of Ageing (CREA)]. Dengan peralihan kepada ROSA, kini Qingqing ialah Penolong Pengurus yang menyokong pentadbiran dan hal-hal operasi harian SLP. Melalui pekerjaannya di SLP, Qingqing lebih memahami isu yang dihadapi oleh golongan tua, justeru dapat membantunya bersedia untuk waktu persaraan ibu bapanya. Di luar waktu kerja, Qingqing gemar berenang dan beraktiviti kembara.

## Hasil Penyelidikan Utama



Rajah 1. Risiko Tanggapan Kematian dan Jangkitan dari bulan April 2020 hingga November 2020

Sepanjang tahun 2020, ahli SLP telah ditanya dengan pelbagai jenis soalan yang berkaitan dengan pandemik COVID-19 yang sedang melanda. Secara umumnya, kekhawatiran terhadap risiko yang dikaitkan dengan COVID-19 semakin berkurangan dalam kalangan responden. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang menggunakan saluran komunikasi tradisional (iaitu, panggilan telefon, SMS dan e-mel) melihat risiko yang dikaitkan dengan COVID-19 sebagai lebih tinggi berbanding mereka yang menggunakan saluran bukan tradisional (mis., Whatsapp dan wadah media sosial). Hipotesis yang diperoleh pasukan penyelidikan mendapati saluran komunikasi bukan tradisional membolehkan responden lebih termaklum dengan perkembangan terkini COVID-19.



Dapatkan kami juga mencadangkan bahawa rangkaian sosial yang besar, akrab dan dilihat sebagai memberi sokongan adalah ideal untuk menggalakkan kepuasan kesihatan yang lebih baik dalam kalangan warga senior dalam komuniti kita. Para penyelidik kami juga menggalakkan hubungan sosial yang kerap sesama orang-orang tua ini melalui panggilan telefon dan ziarah (dengan mematuhi peraturan jarak selamat!), selain anda memperkenalkan rakan-rakan dan ahli keluarga kepada satu sama lain. Ikatan sesama jiran tetangga juga harus digalakkan kerana ini dapat memupuk kesejahteraan dan meningkatkan kesediaan sokongan sosial dalam lingkungan terdekat.

Akhir sekali, pada Pilihan Raya Umum 2020 (GE2020), dapat diperhatikan bahawa 40% daripada ahli SLP menggunakan media sosial sebagai sumber berita kempen. Media sosial ialah sumber ketiga yang paling banyak digunakan, selepas TV (digunakan oleh 75% daripada ahli SLP) dan surat khabar (digunakan oleh 48% daripada ahli SLP). Kebanyakan ahli SLP telah menggunakan media sosial untuk berita kempen. Ini merupakan maklumat yang baik – kajian mendapati bahawa media sosial yang digunakan dalam situasi sedemikian boleh meningkatkan perasaan penglibatan politik yang lebih tinggi sekali gus dikaitkan dengan kesejahteraan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, amat penting untuk berhati-hati akan maklumat yang salah dalam wadah sebegini, kerana penggunaan media sosial membawa polarisasi politik melalui penyebaran berita yang tidak benar!

## Tarikh tinjauan

- **Tinjauan Februari:** 1 - 22 Februari 2021
- **Tinjauan Mac:** 1 - 24 Mac 2021
- **Tinjauan April:** 1 - 25 April 2021

## Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (9 pagi hingga 5 ptg, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel kepada [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa sudi mendengar daripada anda.